

Abdullah rakam penghargaan kepada Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 10 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang membentangkan bajet su-lungnya hari ini memulakan sesi tersebut dengan merakamkan penghargaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sambil disambut dengan tepukan meja tanda sokongah oleh ahli-ahli Dewan Rakyat, Abdullah menyifatkan usaha bekas Perdana Menteri itu berjaya menerajui pembangunan negara.

"Adalah menjadi matlamat saya untuk menjamin kesinambungan kejayaan yang telah dicapai," katanya di Dewan Rakyat,

Abdullah yang memakai baju Melayu berwarna jingga itu memulakan pembentangan Bajet 2005 kira-kira pukul 4.04 petang sejurus selepas doa dibacakan oleh Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Abdullah Wahab.

Pembentangan

Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng kemudian mempe-ngerusi sesi pembentangan tersebut.

Sepanjang pembentangan selama kira-kira satu jam 45 minit itu, Abdullah menyampaikan ucapannya dengan lancar tanpa sebarang gangguan daripada anggota pembangkang.

Bagaimanapun, ucapan Perdana Menteri beberapa kali terhenti kerana mendapat tepukan setiap kali mengumumkan insentif dalam bajet kali ini.

Tepukan paling gemuruh diterima beliau yang juga Menteri Kewangan semasa beliau mengumumkan kenaikan bagi cukai rokok dan juga minuman keras.

"Cukuplah hal minum dan rokok ni," katanya apabila beberapa ahli Dewan Rakyat antaranya **Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading)** dan **Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan)** cuba mencelah.

Pembentangan ucapannya diakhiri beliau dengan sepotong ayat Ar-Ra'd yang mengajak umat manusia membuat kebaikan dan menjauhi daripada membuat kerosakan di muka bumi.

Usul Rang Undang-Undang Perbekalan (2005) tersebut telah disokong oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Secara keseluruhan, kerajaan akan membelanjakan RM117.4 bilion dalam Bajet 2005.